

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]**

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi bantuan khas kepada petani-petani dan nelayan bagi membantu golongan ini yang terjejas akibat daripada penularan pandemik COVID-19 serta persediaan menghadapi musim tengkujuh setiap hujung tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengambil berat impak yang dialami oleh para petani dan nelayan yang terjejas dari pandemik COVID-19. Bagi memastikan aktiviti para petani dapat diteruskan, MAFI melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) telah merangka 36 inisiatif di bawah Dana Jaminan Makanan berjumlah RM1 bilion. Inisiatif-inisiatif tersebut dilaksanakan bagi merencanakan semula aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan serta mendatangkan pendapatan kepada para pengusaha.

2. Di bawah PRIHATIN, MAFI diperuntukkan sebanyak RM190 juta bagi pelaksanaan program jaminan bekalan makanan melalui pemberian

insentif input, peningkatan mobilisasi dan logistik bahan makanan serta pemantapan pembekalan stok makanan. Selain itu, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Pertubuhan Nelayan Kawasan (PNK) juga telah diperuntukkan dana khas untuk menggalakkan penglibatan dan aktiviti ahli peladang dan nelayan dalam industri pertanian dan makanan.

3. Di bawah PENJANA, MAFI telah diperuntukkan sebanyak RM350 juta untuk Skim Pembiayaan Mikro Kredit melalui Agrobank yang menawarkan bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman dengan kadar faedah 3.5% bagi membantu meringankan beban pengusaha yang terkesan akibat COVID-19. Keseluruhan program / projek yang disenaraikan di bawah pakej-pakej PRE, PRIHATIN dan PENJANA sedang dilaksanakan melalui pelbagai jabatan / agensi di bawah MAFI.

4. Sebagai persediaan menghadapi musim tengkujuh, Kementerian telah mengambil beberapa langkah-langkah seperti berikut:

- i. Menyediakan Tabung Bantuan Bencana Agromakanan (TBBA) (bagi sektor pertanian dan akuakultur) dan Tabung Bantuan Bencana Padi (TBBP) yang boleh dipohon melalui Jabatan Pertanian Negeri;
- ii. Menyediakan bantuan Tabung Bencana Alam bagi golongan nelayan melalui LKIM bertujuan untuk memberi bantuan dan sumbangan segera kepada nelayan atau keluarga yang terlibat dalam kemalangan atau bencana alam yang melibatkan kemusnahan, kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa; dan
- iii. Menubuhkan Kumpulan Keselamatan Nelayan (KESAN) dan Pasukan Gerakan Pengurusan Bencana bagi memberi bantuan kepada nelayan semasa berlaku bencana atau kemalangan di laut. Pasukan ini akan bekerjasama dengan pasukan penyelamat dan membantu di dalam operasi pemindahan mangsa bencana alam serta pengagihan

SOALAN NO : 21

bantuan bekalan makanan ke tempat-tempat yang terputus hubungan.

5. Dalam perancangan Rancangan Malaysia Ke-12, Kementerian turut memberi perhatian kepada aspek kebajikan golongan sasar nelayan dan petani dengan merancang pelaksanaan program dan projek pertanian yang dapat meningkatkan pendapatan dan taraf hidup golongan ini.

Sekian, terima kasih.